

KEPENTINGAN DAN KEPERLUAN PENGURUSAN KEWANGAN



Oleh Puan Yusfarina Binti Yunus
Dekan Fakulti Pengajian Teknokorporat
Kolej Profesional Baitulmal KL
yusfarina@kpbkl.edu.my

Hutang isi rumah negara pada separuh pertama 2019 adalah 82.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hutang-hutang ini terdiri daripada pinjaman perumahan (54.2 peratus), pinjaman peribadi (14.1 peratus) dan sewabeli kereta (12.9 peratus). Merujuk kepada data Jabatan Insolvensi pula, seramai 95,105 rakyat Malaysia direkodkan mufliis dari tahun 2014 sehingga Disember 2018. Golongan berumur 35 hingga 44 tahun mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 34.64 peratus, diikuti kumpulan berumur 45 hingga 54 tahun sebanyak 25.85 peratus, manakala golongan berumur 25 hingga 44 tahun mencatatkan 24.79 peratus.

Masalah ini timbul disebabkan mereka gagal menguruskan kewangan dengan baik. Ini disokong dengan hasil kajian yang dijalankan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* dan Bank Negara Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa satu daripada tiga rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan kewangan yang rendah serta lebih cenderung untuk mengurus keperluan semasa tanpa berpandangan jauh dalam mengurus kewangan peribadi. Selain itu, hasil kajian juga mendapati satu daripada 10 rakyat Malaysia mempercayai mereka tidak berdisiplin dalam mengurus kewangan mereka.

Untuk mengatasi masalah ini, rakyat Malaysia perlu bijak dan mencari alternatif bagi mempelbagaikan sumber pendapatan. Langkah penjimatan dan perancangan kewangan sangat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup dalam mendepani kos sara hidup yang tinggi pada masa kini. Beberapa langkah yang boleh dilakukan dalam mengurus kewangan seperti mengutamakan keperluan dari kehendak, menyimpan 10 peratus daripada pendapatan bulanan, mencatatkan segala

perbelanjaan harian (untuk memudahkan penyediaan belanjawan pada masa akan datang) dan menyediakan perlindungan kewangan yang terbaik untuk diri dan keluarga seperti insurans dan wang persaraan.

Justeru itu, adalah dicadangkan rakyat Malaysia perlu didedahkan tentang kepentingan dan keperluan pengurusan kewangan agar menjadi rakyat yang tidak terbeban dengan hutang. Oleh yang demikian, literasi kewangan iaitu kesedaran, kemahiran, sikap dan tabiat yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak boleh diterapkan kepada generasi muda bermula dari zaman persekolahan lagi. Adalah diharapkan dengan kesedaran tentang kepentingan dan keperluan pengurusan kewangan akan dapat mengurangkan kadar hutang isi rumah negara. Ini bertepatan dengan Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud: “Berhati-hatilah kamu dalam berhutang, sesungguhnya hutang itu mendatangkan kerisauan di malam hari dan menyebabkan kehinaan di siang hari” (Riwayat al-Baihaqi).

Rujukan:

Basaruddin, N. (2019, September 23). *www.hmetro.com.my*. Retrieved Januari 14, 2020, from <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2019/09/499617/hutang-isi-rumah-kekal-822-peratus>

Financial Education Network. (2019, Julai). *www.sc.com.my*. Retrieved Januari 14, 2020, from Securities Commission: <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=4c232549-09c0-4ed9-9e0d-a43303a1fb8e>

Tim Tazkirah. (2019, Mac 10). *www.tzkrh.com.my*. Retrieved Januari 14, 2020, from tzkrh: <https://tzkrh.com/roh-tergantung-kerana-hutang-tinggalkan-hartamu-untuk-lunaskan/>